

Beri peluang dan ruang kepada kanak-kanak sertai sukan: Asyraaf

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**

vbingkasan@yahoo.com

UB 18.10.2012 A14

KOTA KINABALU: Semua pihak perlu memainkan peranan memberi ruang dan peluang kepada kanak-kanak menyertai sukan termasuk pertandingan.

“Kesedaran masyarakat terutamanya ibu bapa, guru-guru, orang perseorangan dan syarikat-syarikat untuk memainkan peranan memberi peluang dan ruang kepada kanak-kanak menyertai sukan dan pertandingan amat penting.

“Kerajaan dan kita semua mahu agar sukan jadi budaya hidup kita. Salah satu cara terbaik merealisasikan ini adalah dengan memulakannya di peringkat awal. Ini akan memberikan kita asas yang kuat untuk mengorak langkah seterusnya sehinggalah melahirkan ahli sukan berprestasi tinggi,” kata Pengarah Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi di sini kelmarin.

Beliau berkata demikian semasa mengalu-alukan sambutan positif terhadap Pesta Bola Sepak Kanak-Kanak UMS 2012 (UMS Kids Football Fiesta 2012) anjuran institusi pengajian



ASYRAAF

tinggi awam itu.

Katanya, acara itu mendapat sambutan positif dari beberapa program dan akademi bola sepak seperti Tunas Asas Bola Sepak (Tabs) Bandaraya Kota Kinabalu, Tabs Tuaran, Majlis Sukan Negeri (MSN), sekolah-sekolah rendah dan kelab-kelab bola sepak terutamanya di sekitar kawasan Pantai Barat.

Acara yang akan berlangsung di Kompleks Sukan UMS pada 20-21 Oktober tersebut adalah sempena dengan Majlis Konvokesyen UMS Ke-14.

Ianya akan melibatkan pertandingan '3 on 3' untuk kategori lapan dan 10 tahun ke bawah dan pertandingan lima sebelah untuk kategori 12 tahun ke bawah.

“Amat penting juga melibatkan kanak-kanak dalam acara seperti ini agar mereka dapat merasai suasana pertandingan yang tentunya memberi banyak impak positif termasuklah membentuk minda mereka sebagai 'thinking players'.

“Sehubungan dengan itu saya berharap lebih banyak pasukan akan menyertai kejohanan ini,” kata Asyraaf lagi sambil memberitahu bahawa mesyuarat pengurus pasukan dan cabutan undi akan diadakan di Stadium UMS pada jam 2.30 petang hari ini.

Penyertaan akan dibuka sehinggalah mesyuarat pengurus pasukan. Setiap pasukan hanya dikenakan yuran penyertaan RM30 untuk kategori 8 dan 10 tahun ke bawah dan RM50 untuk kategori 12 tahun ke bawah.

Untuk keterangan lanjut dan urusan pendaftaran diminta menghubungi pejabat Pusat Sukan UMS (088-320000 samb. 3158), Andrew Majanggim (016-8441631 untuk kategori 12 tahun ke bawah), Rosmadih Wasli (016-8250647 untuk kategori 10 tahun ke bawah) atau Azman Soaibah (016-8207479 untuk kategori lapan tahun ke bawah).